

# MASUM: Atlet pelapis sandaran UPM sasar emas memanah

**PETALING JAYA:** Kontinjen Universiti Putra Malaysia (UPM) menyandarkan harapan kepada atlet pelapis untuk memburu pingat emas dalam acara memanah Sukan Masum 2024.

Pegawai Belia dan Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) Muhammad Al-Amin Mustafha berkata, meskipun ketiadaan atlet senior yang menyertai Kejohanan Dunia Memanah 2024 di Shanghai, China, atlet pelapis mampu memberi saingan memburu pingat dalam acara tersebut.

“Kami sentiasa percaya

mereka mampu berikan yang terbaik dalam acara tersebut walaupun mereka tidak seperti atlet senior yang lebih berpengalaman,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Amin memberitahu, seramai 273 orang atlet akan mewakili UPM dalam 17 acara sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan MASUM 2024 dan setiap pasukan telah melakukan persiapan yang rapi bagi menghadapi kejohanan itu.

“Selain Universiti Teknologi Mara (UiTM), kami juga tidak lupa kepada pasukan lain yang

sedang meniti kegemilangan dalam sukan MASUM seperti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Datuk Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah berkata, pihak universiti sentiasa komited dalam melahirkan bakat-bakat baharu bagi meningkatkan kualiti sukan Malaysia di peringkat antarabangsa.